


Headline	FRIM sasar bantu usahawan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	14 Sep 2023	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	35	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	402 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,392
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,177



FRIM sasar bantu usahawan



PUSAT Teknologi Herba (HTC) meletakkan sasaran untuk membantu usahawan herba.

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) melalui Pusat

Teknologi Herba (HTC) meletakkan sasaran untuk membantu usahawan herba mengkomer-

sialkan nilai produk sebanyak RM30 juta menjelang 2025, mencerminkan kadar pertum-

buhan tahunan sebanyak 30 peratus.

FRIM dalam satu kenyataan kelmarin mengumumkan bahawa HTC setakat ini telah berjaya mengkomersialkan 192,446 unit produk dengan jumlah nilai sebanyak RM16.4 juta.

"Sejak penubuhannya, HTC telah memberikan manfaat kepada lebih daripada 500 pelanggan termasuk syarikat dan individu. Sebanyak 20 syarikat telah melantik HTC sebagai pengilang kontrak mereka untuk menghasilkan 35 produk herba tradisional yang berdaftar.

"Dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), HTC telah menghasilkan enam produk separa siap berbentuk ekstrak tulen daripada herba terpilih iaitu tongkat ali, kacip fatimaha, asam gelugur, misai kucing, roselle dan gelenggang," katanya.

Bagaimanapun, FRIM berkata produk herba perlu mematuhi peraturan dan undang-undang yang ketat termasuk pendaftaran dengan Bahagian

Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dan ujian keselamatan, ia memberi cabaran kepada usahawan herba kerana melabatkan kos yang tinggi.

"Justeru, HTC berazam untuk menyokong pengeluaran produk herba berkualiti tinggi serta memberi sokongan kepada usahawan herba dalam menghasilkan produk berkualiti dan kompetitif.

"HTC telah menerima pelbagai pensijilan termasuk Amanan Pengilangan Baik (GMP), Analisis Mudarat dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) dan Halal, menjadikannya pilihan utama usahawan herba. Kami menyediakan perkhidmatan teknikal, fasiliti lengkap, khidmat nasihat dan penelitian pembangunan pembangunan dengan lokasi yang mudah diakses dan caj perkhidmatan yang berpatutan," katanya.

Usaha tersebut selaras dengan visi kerajaan untuk memperkukuhkan industri herba sebagai sumber pertumbuhan ekonomi negara, kata FRIM. — Bernama